

12/08/2002

UiTM peka dengan keperluan pasaran

Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) tidak menghadapi masalah besar untuk 'memasarkan' graduannya terutama dalam sektor swasta kerana semua program pengajian yang ditawarkan mengambil kira keperluan industri dan kehendak pasaran.

Di samping itu, pelajar UiTM juga dilatih dengan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris sebelum mereka bergraduat dan mencari pekerjaan, manakala semua program profesionalnya pula mendapat pengiktirafan badan berkaitan.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Ibrahim Abu Shah berkata, program pengajian, kursus dan mata pelajaran di UiTM sentiasa disemak dan dikemaskini dari semasa kesemasa oleh tenaga akademik berkaitan.

Katanya, proses peningkatan kualiti program dan kursus berkenaan berlaku seiring dengan perkembangan semasa dalam industri terbabit sama ada di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

"Program pengajian serta kursus di UiTM digubal mengikut kehendak pasaran dan graduan bidang berkenaan tidak mempunyai masalah besar untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai.

"Satu lagi kelebihan pelajar UiTM ialah mereka mempunyai kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik kerana kami memang melatih mereka dalam kemahiran ini sejak awal lagi.

"Kemampuan berbahasa Inggeris dengan baik ini membezakan potensi graduan kami dengan graduan dari universiti lain sejak proses temu duga untuk mendapat pekerjaan.

"Syarikat besar terutama multinasional yang berurusan dengan pihak di luar negara memerlukan pekerja yang mahir berbahasa Inggeris dan pelajar kami tiada masalah dalam hal ini.

"Sebab itu, graduan UiTM tidak ramai yang menganggur dan mereka mudah mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan," katanya ketika ditemui selepas sidang akhbar Dialog Mahathir di Shah Alam, Selangor, baru-baru ini.

Dr Ibrahim berkata demikian ketika diminta mengulas gesaan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi agar universiti menawarkan program yang relevan dengan keperluan industri.

Abdullah berkata demikian ketika merasmikan Seminar Industri dan Institusi Pengajian Tinggi Awam di Bangi minggu lalu.

Dr Ibrahim berkata, semua program profesional UiTM seperti dalam bidang kejuruteraan awam, elektrik, mekanikal, perakaunan dan seni bina juga mendapat pengiktirafan daripada badan profesional terbabit.

Lebih membanggakan ialah, katanya, pengiktirafan itu bukan saja daripada badan profesional tempatan, tetapi juga daripada pertubuhan profesional antarabangsa.

Program UiTM mendapat pengiktirafan badan profesional United Kingdom (UK) daripada Institut Bertauliah Akauntan Pengurusan (CIMA), Institut Bertauliah Setiausaha dan Pentadbir (ICSA), Institut Pengangkutan Bertauliah, Institut Jurutera Elektrikal dan Institut Pemasaran.

Program profesional universiti itu juga menerima pengiktirafan badan tempatan seperti Persatuan Arkitek Malaysia (PAM), Institusi Jurutera Malaysia (IEM), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), Institut Juru ukur Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Universiti itu kini menawarkan kira-kira 180 program pengajian dan kursus dalam bidang sains dan teknologi, pengurusan dan pentadbiran

perniagaan, sains sosial dan kemasyarakatan, program persediaan serta pengajian siswazah.

Sementara itu, pada 24 dan 25 Ogos ini, UiTM menganjurkan pameran akademik Insights 2002, di Pusat Dagangan Dunia Putra, untuk memberi gambaran kepada orang ramai mengenai kualiti pendidikan yang ditawarkan di universiti itu.

Keterangan lanjut mengenainya boleh diperolehi dengan menghubungi talian telefon 03-5544 2056/2052 (Nurlisa Jamil) atau emel lisaj@salam.uitm.edu.my.

Insights 2002 dijadual dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau juga akan melancarkan 'Our Intellectual Capital', iaitu buku mengenai latar belakang dan pencapaian ahli akademik UiTM dalam penyelidikan serta perundingan.